



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

| | | |
|--------------|---|-------------------|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN |
| TARIKH | : | 29/12/2021 (RABU) |
| JABATAN | : | UPN.SEMBILAN |

SH
29.12.2021_26

Jangan kunjungi Taman Eko Rimba Jeram Toi!

JELEBU - Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan menasihatkan orang ramai supaya tidak berkunjung ke Taman Eko Rimba Jeram Toi di sini untuk melihat kesan kemasuhan yang berlaku susulan bencana banjir baru-baru ini.

Pengaruhnya, Saleh Awaluddin berkata, keadaan jalan masih tidak stabil dan berisiko akibat kejadian tanah runtuh.

"Kita bimbang sekiranya tiba-tiba berlaku tanah runtuh ketika orang awam ada di situ.

"Sebab itulah pada 20 Disember lalu, kita mengeluarkan arahan semua taman eko rimba Kawasan pendakian dalam hutan simpanan kekal di negeri ini ditutup susulan bencana banjir berlaku," katanya ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Selasa.

Beliau berkata, pusat rekreasi berkenaan yang musnah 100 peratus hanya akan dibuka semula apabila didapati benar-benar selamat dikunjungi.

Jelas beliau, pihaknya sudah memohon peruntukan daripada kerajaan negeri dan Persekutuan untuk membaik pulih segala kerosakan.

"Saya jangkakan tempoh pembaikan akan mengambil masa agak lama. Kita akan buat secara berperingkat, bergantung kepada peruntukan yang diterima.

"Soal pembersihan kawasan, tiada masalah. Cuma keadaan jalan masuk ke situ yang memerlukan banyak pembaikan," katanya.



Kesan kemasuhan Taman Eko Rimba Jeram Toi di Jelebu akibat banjir baru-baru ini.